

# PECIPTA 2013

Leoneeta Rozwen Hassan



Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan berjaya merangkul pingat emas, perak dan gangsa dalam penyertaan Ekspo Penyelidikan dan Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2013 pada 14-16 November 2013. Ekspo tersebut bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pingat emas dimenangi Prof. Madya Dr. Chye Fook Yee dengan tajuk penyelidikan *D-Jus, an Instant Dehydrated Probiotics Juice*, manakala pingat perak disumbang oleh Pn. Faridah Amin dengan tajuk penyelidikan *Grey Oyster Mushroom Floss* Pingat gangsa pula disumbang melalui hasil penyelidikan bertajuk *M-Pod: Natural Healthy Noodle* oleh En. Mansoor Abdul Hamid.

PECIPTA 2013 yang berlangsung selama tiga hari itu juga menyaksikan gerai pameran penyelidikan UMS meraih anugerah *Most Vibrant Booth*.